



(Gambar: NTU)

Pengerusi NTU berundur selepas 28 tahun, pengerusi NAC ambil alih jawatan

9/2/2021 19:20

A A+

KONGSI ARTIKEL

SINGAPURA: Pengerusi Universiti Teknologi Nanyang (NTU) Koh Boon Hwee akan berundur selepas 28 tahun berkhidmat di institusi itu.

Encik Koh akan berundur pada 31 Mac dan akan digantikan dengan pengerusi Majlis Seni Kebangsaan (NAC) Goh Swee Chen, menurut universiti itu dalam satu kenyataan media pada Selasa (9 Feb). Beliau akan mempengerusikan Lembaga Pemegang Amanah NTU mulai 1 April.

Encik Koh menyertai Lembaga Majlis NTU ketika itu pada 1991. Beliau dilantik sebagai pengerusinya pada 1 Jul 1993, dua tahun selepas NTU dirasmikan sebagai sebuah universiti menyusuli penggabungan Institut Teknologi Nanyang dan Institut Pendidikan Nasional.

Selepas NTU menjadi sebuah universiti berautonomi pada 2006, beliau dilantik sebagai pengerusi pengasas Lembaga Pemegang Amanah NTU.

Encik Koh juga merupakan mantan pengerusi Singtel, Singapore Airlines dan DBS Bank.

Menurut NTU, Encik Koh "memainkan peranan penting" dalam mengemudi perkembangan NTU daripada sebuah universiti pengajaran yang lebih tertumpu kepada melatih para jurutera kepada sebuah universiti bertaraf dunia, menurut NTU.

- CNA/HA/ha